



06 MAR, 2023

Sekat kenderaan asing seludup diesel

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Sekat kenderaan asing seludup diesel

BUKIT KAYU HITAM – Kerajaan perlu meminda undang-undang bagi membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan terhadap kenderaan asing yang diubah suai untuk melakukan penyeludupan diesel ke negara jiran.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, pihaknya mendapati JPJ ketika ini tidak memiliki kuasa untuk mengambil tindakan ke atas kenderaan asing yang melakukan pengubahsuaian.

Kata beliau, ia menyebabkan kenderaan tersebut kembali digunakan untuk melakukan jenayah sama setelah pemilik membayar kompaun atas kesalahan penyeludupan dilakukan sebelum itu.

“Jadi saya akan cadangkan kepada Perdana Menteri mengenai kemungkinan pindaan akta yang membolehkan JPJ mengambil tindakan terhadap pengubahsuaian kenderaan asing bagi tujuan penyeludupan.

“Sekarang ini kita seakan tidak boleh ambil tindakan terhadap kenderaan sedemikian, sedangkan tujuan utama ubah suai tersebut adalah melakukan penyeludupan diesel yang menyebabkan ketirisan subsidi yang merugikan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam di sini semalam.

Selain melakukan kunjungan ke pintu sempadan Malaysia-Thailand, beliau turut berkun-



AHMAD meneliti kenderaan pacuan empat roda dari negara jiran yang diubah suai untuk tujuan penyeludupan di stor JKDM Bukit Kayu Hitam, semalam.

jung ke Stor Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk melihat barang rampasan serta kenderaan digunakan penyeludup diesel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 2023 baru-baru ini mendedahkan, wujudnya ketirisan subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion sepanjang tahun lalu.

Mengulas lanjut, Ahmad Maslan berkata, jumlah RM10 bilion itu terlalu besar dan perlu

dibendung secepat mungkin ketika banyak lagi perkara boleh dilaksanakan demi kebaikan rakyat.

“Sebelum ini, ada juga dalam kalangan Ahli Parlimen pembangkang pertikaikan mengenai jumlah ketirisan itu yang didakwa mereka mungkin tak betul.

“Tetapi para pegawai pun sudah beritahu saya bahawa lonjakan subsidi diesel pada tahun lalu terlalu tinggi berbanding 2019, 2020 serta 2021 dan dari situlah kita dapat kesan ketirisan,” jelasnya.



06 MAR, 2023

Sekat kenderaan asing seludup diesel

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

BUKIT KAYU HITAM - Kerajaan perlu meminda undang-undang bagi membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan terhadap kenderaan asing yang diubah suai untuk melakukan penyeludupan diesel ke negara jiran. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, pihaknya mendapati JPJ ketika ini tidak memiliki kuasa untuk mengambil tindakan ke atas kenderaan asing yang melakukan pengubahsuaian.